

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang

Usaha Malaysia ke arah meningkatkan keberkesanan sistem pendidikan ke tahap kecemerlangan setanding dengan negara-negara maju dan diiktiraf di kaca mata dunia merupakan satu misi yang memerlukan kepakaran serta kemahiran yang sangat tinggi. Kepakaran dan kemahiran yang dipertingkatkan dari masa ke semasa ini sejajar pula dengan perkembangan pesat dalam bidang pendidikan yang menyaksikan pelbagai senario baru. Pembaharuan dalam sistem pendidikan di Malaysia dapat dikesan dengan perlaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dalam tahun-tahun 1980an bilamana fokus yang diberikan beralih di antara lain, dari tumpuan terhadap guru kepada tumpuan terhadap pelajar. Trenda demikian yang merupakan suatu dimensi baru dalam pendidikan masakini, tidak berakhir dengan perlaksanaan KBSR dan KBSM sahaja. Perkembangan terkini yang menghala ke arah dimensi baru ini dapat dilihat dengan perancangan yang teliti ke arah perlaksanaan Sekolah Bestari. Trenda terkini yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara ini, direkabentukkan semula secara menyeluruh dari segi amalan pembelajaran dan pengurusan sekolah ke arah menyediakan pelajar-pelajar bagi zaman ledakan maklumat sekali gus ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Pembentukan Sekolah Bestari yang lengkap dengan teknologi terkini untuk menghadapi cabaran alaf baru merupakan suatu pengubahsuaian terhadap sistem pendidikan, contohnya, dari sistem pembelajaran yang menekankan peranan guru sebagai penyampai maklumat kepada pembelajaran untuk semua serta mengambil kira kepelbagaiannya kebolehan dan gaya pembelajaran pelajar. Penjelasan ini termaktub dalam objektif Sekolah Bestari yang di antara lain menegaskan usaha untuk memupuk perkembangan menyeluruh pelajar dengan mengambil kira keupayaan individu serta menyesuaikan pembelajaran mengikut keupayaan, gaya dan kadar pembelajaran pelajar yang berbeza-beza. Ringkasnya, sekolah ini bukan disediakan hanya untuk pelajar-pelajar yang pintar tetapi, direkabentuk khas dari segi kurikulum, pedagogi, bahan pengajaran dan pembelajaran serta sistem penilaian untuk menampung keperluan setiap pelajar, sama ada cerdas, atau pun lemah untuk mencapai potensi sepenuhnya dalam cara yang paling sesuai mengikut kadar dan gaya pembelajaran masing-masing.

Perlaksanaan sijil terbuka dalam sistem pendidikan negara kita juga merupakan suatu lagi pembaharuan yang menitikberatkan perkembangan pelajar secara individu. Pelajar-pelajar tidak lagi perlu menunggu masa yang telah ditetapkan oleh kementerian untuk mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Mengikut sistem ini, pelajar yang sudah bersedia boleh mendudukinya pada waktu yang lebih awal atau lewat berdasarkan kesediaan dan kebolehan mereka. Ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar pintar untuk menamatkan pendidikan lebih awal dan bagi pelajar lambat pula, mereka tetap mempunyai peluang untuk

melayakkan diri dalam arus sistem pendidikan mengikut kadar dan kemampuan masing-masing.

Dengan terdapatnya ciri-ciri terbaru seperti yang dijelaskan ini, ternyata sekali bahawa telah berlaku suatu perubahan dalam sistem pendidikan di negara kita di mana fokus yang diberikan kini, adalah pelajar-pelajar. Perubahan fokus ini sememang wajar, tepat dan memang sudah semestinya sedemikian, memandangkan mereka lah pelanggan yang perlu diberi keutamaan dalam usaha kita untuk mencapai matlamat pendidikan kita seperti mana termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara yang menjelaskan bahawa halatuju misi dan visi pendidikan negara kita adalah untuk melahirkan insan yang menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Jadi, yang jelasnya ialah, penekanan yang diberikan adalah terhadap pelajar itu sendiri dan dengan itu, apa juar peraturan dan perubahan yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan kita, sudah semestinya mengutamakan diri pelajar. Bagi memastikan apa juar perubahan yang dilaksanakan berjaya mencapai hasrat yang dicita-citakan itu, aspek-aspek perbezaan pelajar secara keseluruhannya, dan aspek gaya pembelajaran pelajar, khasnya, perlu dikaji dan difahami, memandangkan inilah fokus terkini dalam trenda pendidikan semasa.

(Bertitik tolak dari trenda pendidikan yang sedemikianlah, maka timbul keperluan supaya usaha diambil untuk meningkatkan pengetahuan terhadap gaya pembelajaran pelajar sepetimana yang disyorkan oleh Dunn dan Dunn (1978), Griggs (1985), Carbo (1987), Ingham (1992) dan Wan Zahid (1993) agar guru, pelajar dan ibu bapa memahami stail belajar pelajar. Malah, ide menggunakan

pendekatan stail belajar dalam pengajaran ini telah wujud lebih 2500 tahun lalu (Claxton & Murrel, 1987), yang kemudiannya, telah diperluaskan lagi oleh seorang ahli psikologi German, Jung, dan hasil kerjanya terkenal dengan istilah *psychological types*. Kajian-kajian selanjutnya dalam bidang stail belajar ini telah diteruskan lagi dalam tahun-tahun 1970an dan 1980an di Eropah dan Amerika Syarikat. Setakat ini, terdapat 11 teori dan model stail belajar yang utama yang dikembangkan untuk kegunaan pengajaran pembelajaran di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, universiti dan kilang-kilang perindustrian. Selain itu, kajian tentang gaya pembelajaran juga telah dijalankan dalam bidang perubatan, pelbagai bidang pendidikan, seperti pendidikan dewasa, vokasional, perniagaan dan pendidikan k-12 (Marshall, 1987).)

Sesuatu yang menarik ialah tentang keberkesanan pendekatan gaya belajar terhadap pembelajaran, sepetimana yang telah dijelaskan oleh ahli-ahli pendidik seperti Cavanagh (1981), Orsak (1990), Perrin (1990) dan Sykes et al. (1990). Ini, walau bagaimanapun, memerlukan para pendidik merancang strategi dan teknik pengajaran pembelajaran bersesuaian dengan gaya pembelajaran yang berbeza-beza di kalangan pelajar kerana seperti yang dijelaskan oleh Dunn (1990), pelajar boleh belajar hampir apa jua isi pelajaran seandainya mereka diajar berdasarkan kaedah dan pendekatan yang sejajar dengan kekuatan-kekuatan gaya pembelajaran mereka.

Dengan ini, ternyata bahawa pengetahuan dan kajian tentang gaya pembelajaran pelajar amat wajar diperluas dan dipergiatkan sebagai suatu usaha ke arah mencapai kapasiti belajar yang optimum di kalangan pelajar. Walaupun tidak dapat dinafikan terdapatnya banyak faktor lain seperti faktor kebolehan kognitif, faktor pengajaran yang berkualiti dan berkesan (Rohana, 1988; Mohd. Said, 1982; Abdul Rahim, 1985; Abdul Rahim, 1989), faktor sekolah dan faktor latarbelakang keluarga yang menentukan pencapaian pelajar, namun, menurut Entwistle dan Ramsden (1982), faktor pembelajaran pelajar perlu dikaji dan difahami dan dapat dari banyak kajian, terutamanya yang dijalankan di Barat, jelas menunjukkan kepentingan gaya pembelajaran pelajar sebagai satu aspek yang dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

1.2 Pernyataan Masalah

Perkembangan trenda pendidikan dari sistem kurikulum lama ke Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dan yang paling terkini, perlaksanaan Sekolah Bestari, jelas menunjukkan terdapatnya satu perubahan yang ketara dalam pelbagai aspek sistem pendidikan di negara kita. Sistem pendidikan yang begitu menitikberatkan peranan guru mula berubah bilamana kurikulum baru yang dilaksanakan menegaskan kepentingan penumpuan-murid. Malah, faktor murid ini menjadi fokus yang lebih utama lagi dengan perlaksanaan Sekolah Bestari. Perubahan ini menunjukkan adanya kesedaran tentang pentingnya faktor murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan ini sejajar dengan perkembangan dalam trenda pendidikan terkini di mana tahun-tahun 1990an adalah

suatu era yang memberi fokus berbeza dalam bidang pendidikan. Fokus berbeza yang dimaksudkan itu ialah keprihatinan terhadap pelajar dan ini, merangkumi persepsi kendiri, pengalaman pembelajaran dan juga gaya pembelajaran pelajar. Dengan beralihnya tumpuan yang diutamakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini, bererti usaha yang sejajar pula perlu diambil untuk memantapkan pengetahuan tentang aspek yang dititikberatkan ini. Masalahnya sekarang ialah,(sama ada kita telah mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk membantu pelajar-pelajar kita dalam proses pengajaran dan pembelajaran.) Persoalan juga timbul sama ada kita telah mengemaskini segala maklumat yang perlukan untuk membolehkan para guru, ibu bapa dan pelajar sendiri memahami dengan mendalam tentang gaya pembelajaran, sebagai satu daripada aspek yang semakin dititikberatkan dalam trend pendidikan masakini. Memandangkan sebegini banyak kajian-kajian yang dijalankan di luar negara tentang gaya pembelajaran, persoalannya ialah, sudahkah cukup luas dan mendalam usaha yang diambil oleh pengkaji-pengkaji tempatan untuk memantapkan pengetahuan tentang aspek ini? Bagi menjamin kejayaan pelajar dalam sistem pendidikan serupa ini, adalah amat wajar sekali usaha diambil untuk mengemaskini dan memantapkan pengetahuan semua pihak yang terlibat tentang gaya pembelajaran pelajar setakat ini, walaupun pada dasarnya perancangan mengajar yang mengambil kira perbezaan-perbezaan pelajar untuk disesuaikan dengan strategi pembelajaran adalah digalakkan, tetapi sebenarnya(pemahaman guru tentang stil belajar adalah sangat kurang)(Robiah, 1996)

1.3 Tujuan kajian

Memandangkan faktor kepentingan gaya pembelajaran pelajar yang semakin

~~meningkatkan pencapaian pelajar, dan sejajar pula~~

dengan perkembangan trenda pendidikan masa kini, dan kurangnya pula kajian yang dijalankan tentang perkara ini, kajian ini dijalankan dengan tujuan-tujuan berikut:

- 1.3.1. Mengenalpasti tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- 1.3.2. Mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- 1.3.3. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan berdasarkan jantina.
- 1.3.4. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan berdasarkan aliran pengajian.
- 1.3.5. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan berdasarkan jantina.
- 1.3.6. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan berdasarkan aliran pengajian.

- 1.3.7. Mengkaji korelasi antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

1.4 Soalan Kajian

Secara spesifik, kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:-

- 1.4.1 Apakah tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan?
- 1.4.2 Apakah gaya pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan?
- 1.4.3 Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan berdasarkan jantina?
- 1.4.4 Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan berdasarkan aliran pengajian?
- 1.4.5 Adakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan berdasarkan jantina?
- 1.4.6 Adakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah Negeri Sembilan berdasarkan aliran pengajian?

- 1.4.7 Adakah terdapat korelasi antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik?

1.5 Hipotesis Nol Kajian

Soalan-soalan kajian 3 hingga 7 akan dijawab melalui pengujian hipotesis-hipotesis nol berikut:-

- 1.5.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat lelaki dengan pelajar-pelajar perempuan di Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- 1.5.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat dari aliran pengajian kejuruteraan elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam di Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- 1.5.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan empat lelaki dan perempuan di Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- 1.5.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan empat dari aliran pengajian elektrik, kejuruteraan jentera dan kejuruteraan awam di Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

1.5.5 Tidak terdapat korelasi yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

1.6 **Batasan Kajian**

- 1.6.1 Sampel dalam kajian ini hanya terdiri daripada pelajar tingkatan empat dari aliran teknik di Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- 1.6.2 Sampel kajian ini juga hanya terdiri dari pelajar-pelajar tingkatan empat aliran teknik dari sebuah sekolah teknik di Negeri Sembilan sahaja, iaitu, Sekolah Menengah Teknik Juasgeh, Negeri Sembilan dan tidak mengambil kira pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah teknik lain.
- 1.6.3 Pencapaian akademik pelajar dalam kajian ini hanya berdasarkan keputusan peperiksaan semester satu yang diduduki oleh pelajar pada bulan Jun 1999. Kajian ini tidak mengambil kira keputusan peperiksaan dari mana-mana peperiksaan sebelum dan selepas ini atau purata markah dari mana-mana peperiksaan lain.

1.7 **Definisi Istilah**

1.7.1 **Pencapaian Akademik**

Dalam kajian ini, pengkaji menghadkan pencapaian akademik pelajar-pelajar tingkatan empat aliran teknik pada keputusan peperiksaan yang mereka perolehi dalam peperiksaan semester satu yang diadakan pada bulan Jun 1999. Pencapaian

akademik pelajar dikira berdasarkan jumlah agregat yang diperolehi oleh pelajar dalam peperiksaan tersebut. Pelajar-pelajar yang memperolehi agregat kurang dari 20 dikategorikan sebagai pelajar-pelajar berpencapaian tinggi manakala pelajar-pelajar yang memperolehi agregat kurang dari 30 dikategorikan sebagai pelajar-pelajar berpencapaian sederhana dan mereka yang memperolehi agregat lebih dari 31 adalah pelajar-pelajar berpencapaian rendah.

1.7.2 Gaya Pembelajaran

Berdasarkan kajian ini, gaya pembelajaran merujuk pada cara yang diamalkan oleh seseorang pelajar memproses serta mengekalkan maklumat baru (Dunn, 1985)

Istilah-istilah berikut pula merupakan empat faktor rangsangan yang terkandung dalam *Learning Style Inventory Dunn, Dunn and Price (1985)*:-

1.7.3 Rangsangan persekitaran

Rangsangan persekitaran merujuk pada item-item bunyi, cahaya, suhu dan rekabentuk yang terkandung dalam instrumen kajian. Item-item yang mewakili rangsangan persekitaran dijelaskan dalam Lampiran C.

1.7.4 Rangsangan Emosi

Rangsangan emosi merujuk pada item-item motivasi yang termasuk motivasi kendiri, motivasi dari guru dan motivasi dari ibu bapa, ketekunan, tanggungjawab dan struktur yang terkandung dalam instrumen kajian. Item-item yang mewakili rangsangan emosi dijelaskan dalam Lampiran C.

1.7.5. Rangsangan Sosiologikal

Rangsangan sosiologikal merujuk pada item-item rakan sebaya, belajar sendiri, belajar berdua atau berkumpulan, kehadiran autoriti dan belajar secara pelbagai yang terkandung dalam instrumen kajian. Item-item yang mewakili rangsangan sosiologikal dijelaskan dalam Lampiran C.

1.7.6. Rangsangan Fizikal

Rangsangan fizikal merujuk pada item-item pengamatan yang melibatkan gaya belajar menggunakan deria penglihatan, pendengaran atau deria rasa/sentuh, keperluan makan/minum semasa belajar, masa belajar sama ada pagi, lewat pagi, petang atau lewat petang dan item mobiliti yang terkandung dalam instrumen kajian. Item-item yang mewakili rangsangan fizikal dijelaskan dalam Lampiran C.

1.7.7. Sekolah Menengah Teknik Juasgeh

Sekolah Menengah Teknik Juasgeh terletak lebih kurang 12 kilometer dari pekan Kuala Pilah. Bangunan asal sekolah ini dibina di bawah peruntukan *Colombo Plan*. Pada tahun 1984, oleh kerana bilangan pelajar sekolah ini hanya terdiri dari 210 orang pelajar, cuma 9 daripada 18 buah bilik darjah sahaja yang digunakan. Bilangan guru pada masa itu pula hanyalah seramai 10 orang. Bangunan asal termasuklah dua blok bilik darjah/pentadbiran, sebuah dewan besar, lapan buah bengkel, sebuah makmal sains dan tiga blok asrama.

Sekolah yang bermula sebagai ~~sekolah~~ vokasional ini dinaikkan taraf menjadi Sekolah Menengah Teknik pada tahun 1997 di bawah Fasa dua ~~cancangan~~ kerajaan untuk menukar sekolah-sekolah vokasional menjadi sekolah teknik. Tiga jenis kursus tambahan ditawarkan iaitu, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Awam.

Pada masa ini, bilangan pelajar di dalam aliran vokasional dan teknik sekolah ini ialah 720 orang dan jumlah gurunya pula ialah 78 orang.

1.8. Kepentingan Kajian

Kajian ini membolehkan guru mengenalpasti tahap pencapaian akademik dan gaya pembelajaran pelajar sekolah. Maklumat tersebut amat berguna bagi guru kerana pengetahuan tentang tahap pencapaian akademik pelajar dapat memberi maklumbalas kepada guru tentang keberkesanan pengajarannya. Guru juga perlu memahami gaya pembelajaran pelajar dan menerima perbezaan yang ada pada diri pelajar itu sebagai satu keistimewaan. Pengetahuan sedemikian akan dapat membantu guru dalam merancang pengajarannya untuk menghasilkan pelajar yang berkesan.

Melalui kajian ini juga, diharapkan agar pelajar dapat mengenalpasti tahap pencapaian akademik dan gaya pembelajaran masing-masing kerana ini membolehkan mereka menggunakan sepenuhnya gaya pembelajaran yang mereka cenderung untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka. Pengetahuan tentang gaya pembelajaran juga, dapat memperluaskan pengetahuan pelajar tentang gaya pembelajaran dan memberi mereka peluang untuk menyesuaikan gaya pembelajaran

mereka dengan gaya pengajaran guru dan tidak hanya bergantung pada satu gaya yang mereka gemari sahaja. Semua ini menjurus ke arah peningkatan tahap pencapaian akademik.

Bagi pihak sekolah pula, Kajian ini dapat memberikan gambaran tentang langkah yang perlu diambil untuk menyediakan persekitaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran yang pelbagai di kalangan pelajar agar dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka, sekaligus meningkatkan keberkesanan proses pengajaran-pembelajaran. Persekitaran yang sesuai ini, merangkumi suasana fizikal pengajaran pembelajaran dalam bilik darjah dan dalam bilik persediaan belajar (dikenali sebagai bilik *prep* di kalangan pelajar-pelajar asrama), di mana pelajar-pelajar yang tinggal di asrama ditempatkan untuk belajar pada waktu yang ditetapkan oleh pihak asrama.